



LAPORAN HARIAN MISI HADR MYANMAR NADMA, JPM

AGENCI PENGURUSAN BENCANA NEGARA, JABATAN PERDANA MENTERI (NADMA, JPM)

<https://portalbencana.nadma.gov.my> | Hotline NDCC : 03-8064 2400

SITREP #5

3 APRIL 2025 | 1700H

SEKILAS DATA : MISI BANTUAN BENCANA GEMPA BUMI MYANMAR

MYANMAR

Kawasan terjejas: **Mandalay, Sagaing, Magway, Shan State, Naypyitaw dan Bago**

Meninggal dunia : 3,003 orang

Cedera: 4,515 orang

Hilang : 351 orang

(sehingga 2 April: sumber Sitrep AHA Centre)

Pasukan MAS-01 SMART NADMA

Setakat 3 April 2025 jam 12 tengah hari, MAS-01 telah berjaya mengeluarkan keseluruhan **8** mangsa yang terperangkap

1 mangsa Hidup

7 mangsa meninggal dunia


(sumber: MAS-01 di Sagaing)

THAILAND

Meninggal dunia : 20 orang

Cedera: 35 orang

(sehingga 2 April: sumber Sitrep AHA Centre)





LAPORAN HARIAN MISI HADR MYANMAR NADMA, JPM

AGANSI PENGURUSAN BENCANA NEGARA, JABATAN PERDANA MENTERI (NADMA, JPM)

<https://portalbencana.nadma.gov.my> | Hotline NDCC : 03-8064 2400

SITREP #5

3 APRIL 2025 | 1700H



SITUASI

Kejadian bencana gempa bumi berskala 7.7M pada 28 Mac 2025 yang menjejaskan Myanmar kini memasuki hari ke-7. Kawasan terjejas masih menjalankan **operasi mencari dan menyelamatkan (SAR)**, **bantuan perubatan khususnya pasukan perubatan kecemasan (EMT) dengan hospital mobil**, dan **pengagihan bantuan kemanusiaan kepada mangsa yang terjejas**.



IMPAK

- Sehingga 2 April 2025, kawasan yang terjejas adalah **Mandalay, Sagaing, Magway, Shan State, Naypyitaw dan Bago**.
- Laporan impak yang disahkan oleh Department of Disaster Myanmar (DDM) adalah seperti berikut:
Meninggal dunia : 3,003 orang
Cedera: 4,515 orang
Hilang : 351 orang
- Di Thailand, DDPM Thailand melaporkan 20 kematian, 35 kecederaan. Tahap Pengurusan Bencana telah diiturunkan ke Peringkat 2 (skala medium) di bawah pengurusan Gabenor Provinsi.



RESPON BANTUAN KEMANUSIAAN

- Sehingga 2 April, bantuan kemanusiaan dalam bentuk pasukan SAR, bantuan kewangan, barangan keperluan, makanan, ubatan dan lain-lain diterima oleh Kerajaan Myanmar daripada 8 ahli ASEAN, 7 negara luar, 4 organisasi antarabangsa dan AHA Centre dengan aturgerak pasukan ASEAN-Emergency Response and Assessment Team (ASEAN-ERAT) dan stokpil DELSA.
- Malaysia menghulurkan bantuan berupa 50 orang Pasukan USAR SMART, 3 orang ahli ASEAN-ERAT, mobilisasi stokpil DELSA dan bantuan berjumlah RM10 juta



RESPON SAR ANTARABANGSA

- Sehingga 2 April 2025, sebanyak 25 Pasukan USAR antarabangsa masih menjalankan operasi SAR di Mandalay, NayPyidaw dan Sagaing.
- Pasukan **MAS-01 yang beroperasi di Wilayah Sagaing**, kekal satu-satunya pasukan SAR luar negara yang beroperasi di Sagaing buat masa ini.



STATUS PASUKAN MAS-01 SMART NADMA

- Operasi MAS-01 memasuki **hari ke-5** di Myanmar.
- Semua 50 pegawai dan anggota dalam keadaan yang baik, kecuali sebilangan mengalami simptom cuaca panas yang minimum seperti suara serak.
- MAS-01 dengan bantuan penterjemah tempatan dapat menyesuaikan diri dengan kawasan penugasan dan diterima baik oleh komuniti
- Rutin harian di BoO seperti solat berjemaah, aktiviti kecergasan baris pagi, taklimat berkaitan kebersihan dan disiplin memastikan pasukan yang kuat fizikal dan mental.



OPERASI MENCARI DAN MENYELAMAT

- Pasukan MAS-01 masih meneruskan beroperasi dari jam 8.30pagi hingga 5.00 petang dengan kawalan keselamatan oleh pasukan polis.
- Hari ke-5 operasi mencari dan menyelamatkan, lokasi SAR ditumpukan di runtuh sekolah yang dipercayai masih terdapat mangsa terperangkap. Penetapan worksite untuk MAS-01 ditentukan oleh LEMA berdasarkan kompleksiti runtuh yang memerlukan peralatan canggih yang dibawa oleh MAS-01.
- Sehingga 3 April jam 12 tengah hari, MAS-01 berjaya mengeluarkan 8 orang mangsa daripada bawah runtuh. Seorang mangsa hidup berjaya dikeluarkan pada 2 April 2025.
31 Mac 2025: 2 mangsa 1 lelaki dewasa dan 1 wanita dewasa (meninggal dunia);
1 April 2025: 4 mangsa 1 wanita dewasa 2 lelaki dewasa & 1 kanak-kanak perempuan (meninggal dunia); dan
2 April 2025: 2 mangsa 1 lelaki dewasa (**hidup**) 1 wanita dewasa (meninggal dunia)
- Kerja-kerja mencari dan menyelamatkan dilaksanakan secara bersama dengan pasukan penyelamat tempatan.
- Penerapan “culture awareness” yang tinggi dengan menghormati budaya tempatan oleh Pasukan MAS-01 mengelakkan konflik tugas antara pasukan dalam dan luar negara.



RAMALAN

- Kejadian bencana memasuki hari ke-7. Berdasarkan tempoh bencana dan cuaca persekitaran, proses pereputan dan bau mayat akan bertambah kuat.
- Pada 3 April, terdapat beberapa pasukan USAR mula menghentikan operasi dan diaturgerak keluar daripada lokasi, Pasukan MAS-01 telah merancang aturgerak keluar (demobilisasi) dalam tempoh 5 hari termasuk penyusunan pelan operasi, persediaan dokumentasi dan keperluan logistik.



ISU DAN CABARAN

- Gegaran susulan masih berlaku pada skala 2 hingga 5 magnitud
- Isu kebersihan dititikberatkan apabila MAS-01 menguruskan mayat yang mulai reput. Keperluan bahan kebersihan seperti sabun dan bahan antiseptik, lebih-lebih lagi selepas tamat operasi.
- Keperluan nutrisi yang seimbang untuk mengelakkan masalah kesihatan.
- Pihak berkuasa tempatan telah mula membawa masuk jentera berat untuk tujuan pembersihan kawasan, meningkatkan debu yang boleh memberi implikasi kesihatan. Perlu memakai topeng muka.
- Bangunan runtuh memberi risiko debu asbestos yang berpotensi menyebabkan masalah kesihatan. Pasukan diminta berhati-hati dan mengambil langkah pencegahan yang perlu.



FOTO OPERASI PASUKAN MAS-01 SMART : MISI BANTUAN BENCANA GEMPA BUMI MYANMAR



KENALI MEREKA: PASUKAN SMART NADMA DUTA OPERASI BENCANA KE LUAR NEGARA

Pasukan Mencari dan Menyelamat Khas Malaysia (SMART) ditubuhkan berpaksikan kepada **Arahan Majlis Keselamatan Negara No.19**. Selepas tragedi Highland Towers pada 11 Disember 1993, Kerajaan dalam mesyuarat Jemaah Menteri pada 18 Mei 1994 telah mengarahkan supaya sebuah pasukan khas diwujudkan untuk mencari dan menyelamatkan mangsa-mangsa dalam suatu kejadian bencana besar di darat.

Arahan MKN No.19 ini juga menetapkan penugasan SMART di luar negara apabila diarahkan untuk membantu negara luar yang mengalami bencana besar.

Pasukan USAR Malaysia ini istimewa berbanding pasukan USAR negara lain kerana keunikan **gabungan pegawai dan anggota 3 badan beruniform besar negara** iaitu Polis DiRaja Malaysia, Angkatan Tentera Malaysia dan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, bersatu di bawah 1 pasukan SMART kendalian Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA)

Pada tahun 2016, Pasukan SMART telah menerima pensijilan Pasukan *Heavy USAR* oleh UN-INSARAG yang melayakkan mereka diaturgerak ke luar negara untuk membantu negara yang dilanda bencana. *Heavy USAR* bermaksud 1 pasukan berkekuatan 50 hingga 75 orang, dilengkapi dengan peralatan dan kelengkapan untuk beroperasi secara *self-sufficient* selama 14 hari dari segi sumber manusia, kewangan dan lengkap dengan komponen-komponen *management, logistics, rescuer, medical* dan *detection*.

Dalam hal ini, Pasukan SMART tidak mempunyai komponen seperti *rescuer* (HAZMAT) *medical* (dokter perubatan), *detection*(K-9). Maka kerjasama pintar daripada HAZMAT dan K-9 daripada JPBM dan *Medical* daripada Kor Perubatan ATM dipinjamkan ke dalam Pasukan Heavy USAR Pasukan SMART ketika operasi, membentuk Pasukan MAS-01. Untuk penugasan kali ini, komponen K-9 tidak diaturgerak.

Untuk Operasi SAR Malaysia di Myanmar, dari sudut pengekodan INSARAG, Pasukan USAR dengan Kod No. 01 hingga 09 merupakan pasukan yang diiktiraf sebagai *INSARAG Classified Team*, yang memenuhi kriteria *Heavy USAR*; MAS-01 merujuk kepada Pasukan yang dipersijilkan, yang bekerja mengikut garis panduan dan standard USAR di bawah payung United Nations. sementara Pasukan dengan Kod No. 10 hingga seterusnya merupakan Pasukan *Non-classified Team*.

Sekalung penghargaan kepada 50 wira negara di Myanmar, anda kebangsaan Malaysia.

Sumber: Arahan MKN No.19; SMART,NADMA, JPM